

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
(TENOM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ .TENOM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha (LHDN) dalam membuat perubahan atau transformasi untuk memastikan kutipan bagi pendapatan negara.

**JAWAPAN**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa berusaha membuat perubahan atau transformasi bagi memastikan peningkatan kutipan cukai untuk pendapatan negara. Bagi mencapai hasrat tersebut, pelbagai strategi dan inisiatif telah dilakukan oleh LHDNM dengan menjalankan program dan aktiviti seperti berikut:

## 1. Pematuhan Cukai

Tindakan pengauditan dilaksanakan ke atas pembayar cukai selaras dengan Sistem Taksir Sendiri bagi memastikan pembayar cukai membayar cukai yang tepat jumlahnya. Pelaksanaan pengauditan secara sistematik berasaskan analisis risiko yang berterusan dapat menggalakkan pematuhan cukai. Antara pendekatan yang diambil adalah mengubahsuai kaedah pengauditan daripada audit menyeluruh kepada audit yang disasarkan (*focused audit*). Audit yang disasarkan ini telah diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan bilangan pembayar cukai yang diaudit melalui aktiviti audit luar yang sekaligus dapat meningkatkan pematuhan secara sukarela. Disamping itu, aktiviti audit juga dipercepatkan supaya tempoh penyelesaian audit dapat dipendekkan dan kutipan dapat dibuat dengan lebih cepat serta mengelakkan berlakunya kes-kes tertunggak. Walau bagaimanapun, audit ke atas syarikat dalam industri tertentu seperti petroleum, kewangan, insurans dan kontraktor pembinaan adalah dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan kutipan cukai mengikut jumlah yang tepat.

## 2. Penyiasatan

LHDNM secara berterusan menjalankan siasatan ke atas kes yang melanggar akta yang ditadbir oleh LHDNM. Objektif utama penyiasatan cukai adalah untuk memastikan jumlah cukai yang dilaporkan adalah tepat, mengenalpasti pihak yang melakukan kesalahan untuk didakwa di mahkamah, membendung aktiviti pelarian cukai dan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Terdapat 2 kategori penyiasatan yang dijalankan oleh LHDNM seperti berikut:

- Siasatan sivil - Mengesan pelarian cukai dan pengelakan cukai dengan tujuan utama untuk memperolehi cukai yang kena dibayar daripada pembayar cukai terlibat serta penalti yang tinggi untuk berfungsi terus meningkatkan pematuhan cukai.
  
- Siasatan jenayah - Mengumpul bukti-bukti sahih yang menjurus kepada tindakan yang lebih tegas untuk mensabitkan kes pelarian cukai. Pembayar cukai yang didapati bersalah akan dikenakan penalti,

hukuman denda dan / atau penjara.

### **3. Pembesaran Asas Cukai**

Terdapat pelbagai aktiviti pembesaran asas cukai yang telah dijalankan seperti berikut:

- | Pengesanan dan pengumpulan maklumat lengkap dengan objektif untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas selaras dengan peruntukan undang-undang bagi tujuan membesarkan asas cukai. Antara maklumat yang diberi keutamaan adalah maklumat berkaitan penerimaan bayaran, maklumat pelesenan aktiviti perniagaan dan pemilikan harta.
  
- | Aktiviti banci perniagaan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan cukai di kalangan peniaga terutamanya untuk mengemukakan borang nyata cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan serta membuat bayaran cukai sewajarnya. Di samping itu,

banci perniagaan yang mesra pembayar cukai juga dilaksanakan untuk memberi pendidikan mengenai percukaian secara terus kepada peniaga.

Aktiviti dikenali “Kunjungan Mesra Hasil” juga dijalankan sebagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran pembayar cukai mengenai tanggung jawab di bawah undang-undang percukaian supaya dapat meningkatkan keberkesanan kutipan hasil dan pembesaran asas cukai. Antara pendekatan yang diambil adalah mengguna pakai *tagline* pendidikan cukai iaitu *Hasil: Your Tax Education Partner*.

#### **4. Pungutan Cukai**

Program pungutan bagi tahun 2014 diteruskan dengan objektif memungut anggaran cukai melalui potongan cukai bulanan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan)(Pindaan) 2014 bagi kutipan tahun semasa dan potongan untuk cukai yang masih tertunggak dan sukar dikutip.

## **5. Pendidikan Cukai**

LHDNM menjalankan program pendidikan cukai dan perkhidmatan pelanggan secara berterusan kepada individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai. Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada orang awam terhadap undang-undang cukai, mendidik pembayar cukai terhadap hak dan tanggungjawab, membantu dan memberi motivasi supaya pembayar cukai mematuhi undang-undang secara sukarela, membantu pembayar cukai melaporkan pendapatan dan mengira amaun cukai pendapatan dengan tepat serta sumbangan pembayar cukai di dalam menyediakan sumber kewangan bagi membiayai pembangunan negara. Terdapat pelbagai program yang dijalankan sepanjang tahun, diantaranya adalah Taklimat/Bengkel Percukaian, Bengkel Simulasi (EzHASIL), Program Khidmat Sokongan Peniaga, Seminar Percukaian, Kem Cerdik Cukai dan seterusnya mulai tahun 2013, LHDNM terlibat secara langsung dalam program Junior Tax Officer @Tax Office Kidzania Branch.

## **6. Pemencaran Fail Syarikat ke Cawangan di Lembah Kelang**

## (Decentralisation of File)

Pada tahun 2013, LHDNM juga mengambil inisiatif dengan melakukan tindakan pemencaran fail syarikat dari Jabatan Cukai Korporat Kuala Lumpur ke cawangan-cawangan di Lembah Klang. Tujuan pemencaran fail ini dilakukan adalah bagi memudahkan pembayar cukai berurusan di Cawangan LHDNM yang berhampiran dengan lokasi perniagaan mereka. Dengan ini, LHDNM dapat mempertingkatkan keberkesanan pengurusan fail, memperluaskan aktiviti audit dan memberi peluang atau pendedahan kepada pegawai-pegawai di Cawangan untuk mengendalikan fail audit syarikat.

Sehubungan dengan pelaksanaan kaedah pemencaran fail yang ditumpukan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) ke Cawangan di Lembah Klang, LHDNM akan memantapkan lagi dan meningkatkan pengurusan dan pengauditan bagi syarikat-syarikat besar, industri khas, petroleum dan pindahan harga sebagai fungsi utama di Jabatan Cukai Korporat.

## **7. Penubuhan Jawatankuasa Strategik LHDNM**

Bagi melestarikan dan merealisasikan peranan LHDNM selaras dengan perkembangan ekonomi tanpa sempadan dan meningkatkan profesionalisma di kalangan pentadbir cukai selaras dengan negara maju, tiga (3) jawatankuasa telah diwujudkan yang berperanan seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Formula Kejayaan yang bertanggungjawab untuk mengkaji faktor-faktor utama yang akan menjamin kejayaan LHDNM dan menterjemahkannya dalam bentuk formula dan strategi. Formula ini akan dijadikan rujukan dan panduan kepada pengurusan LHDNM pada masa hadapan;
  
- b) Jawatankuasa Pelan Korporat LHDNM 2012-2015 yang menyediakan rumusan strategi, hala tuju dan bidang fokus LHDNM. Pelan Korporat ini mengandungi pernyataan aspirasi LHDNM di dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan; dan



c) Jawatankuasa *Study on Tax Administration Reform* (STAR) bagi mengkaji model dan mengenalpasti amalan terbaik pentadbir cukai luar negara yang sesuai dilaksanakan di Malaysia.

## 8. **Pembangunan modal insan berkualiti**

Bagi terus memartabatkan perkhidmatan anggota LHDNM kepada pembayar cukai, beberapa program telah diperkenalkan seperti *flexi hours* dan sesi konsultasi di antara pengurusan atasan dan anggota LHDNM untuk menjamin keberkesanan organisasi selaras dengan prinsip keterangkuman (*inclusiveness*). LHDNM juga mengambil usaha untuk terus meningkatkan pengetahuan dan kecekapan melalui penajaan pendidikan di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (PhD) kepada anggotanya di samping memberi peluang kepada anggota untuk ditempatkan di agensi percukaian antarabangsa seperti *International Bureau of Fiscal Documentation* (IBFD) dan *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD).



**NO SOALAN: 158**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
[TENOM]**

**RUJUKAN : 6941**

**SOALAN:**

**DATUK RAIME BIN UNGGI [Tenom]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat mana Kerajaan memperketatkan sistem kawalan kemasukan rakyat asing ke negara ini selepas insiden penggunaan pasport palsu berhubung tragedi pesawat MH370 di setiap pintu masuk negara.

**JAWAPAN:**

**Sistem kawalan kemasukan rakyat asing ke negara ini adalah seperti yang terdapat di dalam *Standard Operating Procedure (SOP)* di pintu masuk / keluar negara sedia ada.**

**Kerajaan Malaysia telah mempunyai perancangan untuk mengadakan kerjasama dengan pihak INTERPOL bagi kes *Lost and Stolen Travel Documents*. Kerjasama ini adalah meliputi kebenaran akses kepada pangkalan data pasport yang dilaporkan hilang atau dicuri yang direkodkan oleh INTERPOL.**

**Selain itu Kementerian juga bercadang untuk menaiktaraf peralatan pembaca pasport di kaunter pemeriksaan di pintu masuk. Peralatan ini akan dilengkapi dengan perisian yang mampu menyemak ketulenan pasport yang digunakan.**